

PELITA BRUNEI

Tahun 1. Bilangan 11

16 July, 1956

Muka

Duli Pengiran Bendahara Melawat England	1
Empat Orang Jema'ah2 Haji Dari Brunei Meninggal Dunia	1
Mereka Diminta Berjujur	2
Penyimpan Wang Negeri Brunei Balek Dari England	2
4 Orang Penangkap Ikan Dari Brunei Dipileh Untok Belajar Chara2 Menangkap Ikan Di Malaya	2
Bekas Timbalan Penolong Pemungut Hasil2 Tanah Brunei Ber- angkat Ka Australia	3
Lawatan Pengarang Dari Singapura Ka Brunei	4
Empat Orang Guru2 Brunei Ka England Bulan September	4
Pegawai Pelajaran Brunei Melawat Malaya	5
Pengetua Baharu Pusat Latehan Guru2 Me;ayu Brunei	5
Maha Guru Bahagian Pelajaran Dari Malaya University Melawat Brunei	5
Pegawai2 Police Dapat Digaji Untok Perkara2 Yang Khas	6
Faedah2 Kursus Latehan Masharakat	7
Controller of Pensions Brunei Yang Baharu	7
Timbalan Penasehat Undang2 Brunei	7
Ahli Yang Baharu Lembaga Municipal	7
Pemenang Hadiah Pelajaran Ugama Ka Malaya	8
Captain Girl Guides Negeri Brunei Berchuti Panjang	8
Pemenang Pingat2 Pengakap Perempuan Brunei	8
Pegawai Pertanian Brunei Balek Dari Malaya	9
Dua Orang Lagi Pegawai2 Pertanian Brunei Ka Malaya	9
Kursus Ulang Kaji Police di Kuching	10
Stamp2 Negeri Brunei Yang Dibatalkan	10
Lima Orang Lagi Dishorkan Bagi Menerima Hadiah Pension Umor Tua	10
Undang2 Baharu Majlis Ugama Dan 'Adat Istiadat Brunei	11
Pertunjokan Tanam2an Sanegeri Brunei	12
Terjemahan Buku2 Yang telah Diharamkan	12
Harga Buah Engkabang Dan Lada	12
Kapal Ferry "M/A Pemancha"	12



DULI PENGIRAN BENDAHARA MELAWAT ENGLAND

Wazir Yang Pertama Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara telah berangkat dari Brunei ka Singapura pada pagi hari Ithnin 9 July yang lalu, dengan diiringi oleh Setia Usaha Sulit kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Yang Berhormat Pehin Dato' Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar. Dari sana Yang Teramat Mulia itu dan Dato' Perdana Menteri telah berlepas ka England dengan kapal terbang untok menyempornakan chuti masing2.

EMPAT ORANG JEMA'AH2 HAJI DARI BRUNEI

MENINGGAL DUNIA

Pejabat 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri Brunei mema'lumkan bahawa sahingga kamasa ini, empat orang daripada jema'ah2 Haji dari Brunei yang pada masa ini sedang menunaikan fardzu Haji, telah meninggal dunia.

Jema'ah2 Haji yang meninggal dunia itu ialah Inche' Sapar bin Haji Duraman, Awang Alim bin Kula, Zauyah binti Bendari, dan Abdul Latiff bin Tengah.

Inche' Sapar bin Duraman, saorang penanam padi dari Batu 15, Jalan Tutong, Brunei telah meninggal dunia pada 20 June, 1956 oleh kerana sakit.

Awang Alim bin Kula, berumur 46 tahun, dari Kampong Sabah, Brunei telah meninggal dunia pada 22 June, 1956. Beliau bekerja sebagai Contractor di Bandar Brunei dan telah mengidap sakit lelah sejak beberapa lama. Awang Alim meninggalkan saorang balu, saorang anak lelaki, dan saorang anak perempuan yang sudah berkahwin.

Zauyah binti Bendari, berumur 71 tahun, dari Danau telah meninggal dunia di Medinah dalam masa perjalanannya ka Mecca pada 27 June, 1956. Anaknya, Harith bin Ali, saorang penangkap ikan telah berangkat ka Tanah Suchi bersamanya.

Inche' Abdul Latif berumur 76 tahun, saorang peladang dari Temburong, Brunei telah meninggal dunia di Mecca pada 9 July, 1956. Beliau telah berangkat ka Tanah Suchi bersama anaknya Inche' Awang Metussin.

MEREKA DIMINTA BERJUJUR

Yang Berhormat Pehin Dato' Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar telah menerima beberapa puchok surat2 terbang atau surat2 layangan dari orang2 yang tidak menulis namanya yang benar dan alamatnya yang terang, mengadukan dari hal pekerjaan, perbuatan, dan kelakuan kakitangan dalam Istana Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei dan jua Pegawai2 dan Kakitangan2 Kerajaan, serta Pertadbiran Kerajaan Brunei.

Berhubung dengan aduan2 itu, Dato' Perdana Menteri menyatakan bahawa siapa2 jua dalam Negeri Brunei ini yang ada kamushkilan, rayuan, pengaduan atau tidak berpuas hati diatas pekerjaan atau kelakuan Pegawai2 dan Kakitangan Istana atau Kerajaan, atau Hukuman, atau Peratoran Kerajaan, hendaklah orang itu menuliskan dengan chukup terang nama dan alamatnya kepada Pehak Yang Berkuasa atau ianya sendiri berjumpa serta mengadu, atau memberi keterangan yang benar dan chukup kepada ketua Pejabat, atau kepada Pehak Yang Berkuasa supaya didengar, disiasat dan ditimbangkan.

Dato' Perdana Menteri menerangkan bahawa Kerajaan atau Pehak Yang Berkuasa boleh jamin, iaitu nama dan alamat orang yang menulis itu akan dirahsiakan dan tidak akan didzahirkan kepada sesiapa pun.

Selanjutnya, beliau itu berkata, " Orang2 yang menulis surat2 layangan atau surat2 terbang itu boleh dikatakan orang2 yang tidak jujur serta tiada beramanah dan jika mereka orang2 yang jujur dan baik serta ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dan Kerajaan, serta kaseh sayang kepada ra'ayat dan Negerinya, maka tentulah ia memberi nama dan alamatnya dengan chukup terang dan tidaklah membuat kelakuan dan perangai bersembunyi sademikian itu. Orang2 yang membuat dan berkela-kuan saperti itu, bolehlah dikatakan orang2 yang tidak jujur".

PENYIMPAN WANG NEGERI BRUNEI

BALEK DARI ENGLAND

Mr. E.W. Cousens, Penyimpan Wang Negeri Brunei, dijangka akan balek ka Brunei pada awal bulan August akan datang, setelah menyempornakan chuti panjangnya disana. Beliau telah berangkat ka England pada awal bulan January tahun ini bersama Mem Cousens yang akan juga balek ka Brunei.

Dalam masa percutian Mr. Cousens, jawatan Penyimpan Wang Negeri Brunei telah dipangku oleh Mr. R.H. Morris, bekas Penolong Resident, Brunei. Mr. Morris juga pada masa ini telah berangkat keluar negeri kerana menyempornakan chuti panjangnya dan jawatan Penyimpan Wang Negeri itu sedang dipangku buat sementara oleh Penolong Penyimpan Wang Negeri, Mr. D.B. Graham, selain dari jawatan2nya yang lain sahingga Mr. Cousens balek ka Brunei.

4 ORANG PENANGKAP IKAN DARI BRUNEI DIPILEH UNTUK

BELAJAR CHARA2 MENANGKAP IKAN DI MALAYA

Kerajaan Brunei telah memilih empat orang penangkap ikan dari Brunei untuk ...

dari Brunei untuk belajar cara2 menangkap ikan di Persekutuan Tanah Melayu dibawah Rancangan Perkembangan Negeri dengan tujuan hendak memperbaiki perusahaan menangkap ikan di Negeri ini.

Orang2 itu kesemuanya Melayu, telah pun berangkat ka Persekutuan Tanah Melayu. Mereka ialah Pengiran Kahar bin Pengiran Haji Besar, Ketua Kampong, Batu Marang, Daerah Brunei, berumur 38 tahun; Matyasin bin Abdullah, seorang penangkap ikan dari Batu Marang, berumur 40 tahun; Mahali bin Matassan, seorang penangkap ikan dari Kampong Melayu, Kuala Belait berumur 22 tahun dan Haris bin Dris, seorang penangkap ikan dari Kampong Sungei Taraban, Kuala Belait, berumur 25 tahun.

Mereka telah berlepas dari Brunei ka Singapura dengan kapal terbang pada pagi hari Ahad 8 July, 1956 dan dari sana mereka telah pergi ka Pulau Pinang dimana mereka akan tinggal selama 3 bulan untuk mempelajari hal ehwal menangkap ikan dengan Pejabat Perikanan.

Inilah rombongan kali yang pertama penangkap ikan dari Negeri Brunei yang dihantarkan ka Persekutuan Tanah Melayu untuk mempelajari cara2 yang lebih baik dalam hal ehwal menangkap ikan dengan bertujuan meninggalkan perusahaan menangkap ikan diantara penangkap2 ikan tempatan.

Satelah mempelajari kursus tersebut di Pulau Pinang, maka penangkap ikan dari Brunei itu akan berangkat kelain kampong2 nelayan yang terkemuka di Persekutuan Tanah Melayu. Mereka akan tinggal bersama penangkap2 ikan itu dan mengikuti penangkap ikan itu pada masa mereka pergi kelaut.

BEKAS TIMBALAN PENOLONG PEMUNGUT HASIL2 TANAH BRUNEI

BERANGKAT KA AUSTRALIA

Inche' Ali bin Awang Besar, bekas Timbalan Penolong Pemungut Hasil2 Tanah, Brunei yang telah diberi hadiah Pelajaran Perchuma Colombo Plan oleh Kerajaan Australia untuk mempelajari Kursus Nilai Tanah di Australia, telah berangkat dari Brunei ka Singapura pada 7 July yang lalu dan dari sana beliau telah berlepas dengan kapal terbang ka Sydney, Australia.

Beliau akan mulai mempelajari kursusnya itu pada 16 July, iaitu selepas sahaja beliau tiba di Sydney, apabila beliau akan melawat ka Pejabat Jajahan Ta'lok British bahagian Pelajaran hingga 18 July dan dalam masa itu, beliau akan ditunjukkan cara2 penghidupan orang2 Australia dan jika perlu, cara2 penghidupan orang2 Eropah juga. Dari 19 ka 20 July, beliau akan dibawa melawat ka Lembaga Perkhidmatan Orang Ramai di Canberra dimana beliau akan diterangkan cara2 pertadbiran Kerajaan.

Mulai dari 23 July hingga 3 August, 1956 Inche' Ali akan melawat ka Pejabat2 Chawangan Chukai di Sydney untuk mempelajari hal ehwal mengenai cara2 perjalanan pejabat, mempelajari Undang2 mengenai nilai dan sebagainya. Beliau akan berkhidmat di Pejabat tersebut lagi dari 6 August hingga 7 December, 1956 untuk melanjutkan latehannya.

Dalam masa tersebut, beliau akan mempelajari hal ehwal perjalanan pertadbiran bandaran dan luar bandar, nilai2 untuk chukai2 kebun; nilai2 berhubung dengan segala jenis harta pesaka dalam negeri bagi perolehan Negeri2 Commonwealth.

Inche' Ali akan ...

Inche' Ali akan berchuti di Australia pada masa Chuti Krismas. Kemudian beliau akan berkhidmat dengan Commonwealth Bank of Australia di Sydney, dimana beliau akan ditunjukkan chara2 nilai2 mengenai kegunaan gadaian.

Dalam masa dua atau tiga bulan sebelum beliau balek ka Brunei, Inche' Ali akan membiasakan dirinya mempelajari perkara2 yang bersangkutan paut dengan nilai2 tanah2 di daerah2 yang panas.

Inche' Ali telah berhenti memegang jawatan sebagai Timbalan Penolong Pemungut Hasil2 Tanah, Brunei mulai dari 2 July, 1956 dan Pengiran Abdulrahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Pertadbiran Negeri Brunei telah dilantek memegang jawatan itu mulai dari tarikh tersebut juga.

LAWATAN PENGARANG DARI SINGAPURA KA BRUNEI

Mr. K.S.K. Kashimbram, Pengarang Mujallah Bulanan Malayalam, "The Mahatma" dari India telah melawat Brunei baharu2 ini setelah berada di Seria selama seminggu.

Beliau menyatakan bahawa inilah kali yang pertama ia datang ka Negeri ini dan sangatlah sukachita datang ka Brunei. Sebanyak 5,000 naskhah Mujallahnya itu, katanya, diterbitkan pada tiap2 tahun.

EMPAT ORANG GURU2 BRUNEI KA ENGLAND BULAN SEPTEMBER

Empat orang Guru2 dari Brunei, kesemuanya orang2 Melayu, telah diberikan Hadiah Pelajaran Perchuma dalam Hal Ehwal Pelajaran di United Kingdom mulai dari bulan September tahun ini.

Guru2 itu ialah Che' Gu Pengiran Hidup bin Pengiran Hashim, Guru Kumpulan di Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei; Inche' Suni bin Idris, Pemangku Guru Bahasa Inggeris di Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei; Inche' Md. Jamil bin Umar, Penyelia Kebun2 Sekolah, Brunei; dan Inche' Kifli bin Bujang, Pemangku Guru Kumpulan di Sekolah Inggeris Kerajaan, Seria.

Che' Gu Pengiran Hidup akan menuntut selama setahun di Institute of Education, London University, dalam bahagian Mengajar Bahasa Inggeris sebagai suatu Bahasa asing.

Inche' Suni bin Idris akan mengambil Kursus selama dua tahun di Maktab Latehan Guru2 di Kirkby untuk mendapat Sijil Kementerian Pelajaran Guru2 Bahasa Inggeris.

Inche' Md. Jamil bin Umar akan mengambil Kursus selama setahun mempelajari Hal Ehwal mengenai Luar Bandar di City of Worcester Training College.

Inche' Kifli bin Bujang akan mengambil Kursus Diploma dalam bahagian Mengajar Bahasa Inggeris sebagai suatu Bahasa Asing selama setahun di Institute of Education, London University.

PEGAWAI PELAJARAN BRUNEI MELAWAT MALAYA

Pegawai Pelajaran Negeri Brunei, Mr. H.J. Padmore, telah berangkat ka Persekutuan Tanah Melayu pada awal bulan July 1956 untuk mengadakan perundingan dengan Pengarah Pelajaran, Persekutuan Tanah Melayu berhubung dengan pengambilan Guru2 dari Persekutuan Tanah Melayu untuk berkhidmat di Brunei pada masa hadapan.

Adalah difahamkan bahawa Pejabat Pelajaran Negeri Brunei telah menerima sajumlah 41 permintaan2 dari Guru2 Sekolah2 Inggris dari beberapa buah negeri di Persekutuan Tanah Melayu untuk berlateh di Maktab Latehan Guru2 di Kirkby, England dibawah Ranchangan Latehan Guru2. Calon2 yang akan dipilih dari bilangan tersebut akan dihantarkan oleh Kerajaan Brunei ka Maktab Latehan Guru2 itu sebelum mereka berkhidmat di Brunei. Pegawai Pelajaran Negeri berharap bahawa, diantara bilangan calon2 yang akan dipilih itu akan termasuklah juga Guru2 Perempuan.

Kerajaan Brunei akan memilih hanya 4 orang dari permintaan2 tersebut dari 5 orang Guru2 yang akan dihantarkan untuk berlateh di Maktab Penguruan di England itu, dibawah Ranchangan Perkembangan 5 tahun. Guru yang kelima itu, ialah seorang Warga Negara Brunei, Inche' Suni bin Idris, seorang Guru dari Sekolah tempatan.

Rombongan Guru2 Yang Pertama yang telah dihantarkan oleh Kerajaan Brunei untuk berlateh di Maktab Latehan Guru2 di Kirkby, England dan telah dipilih dari Guru2 di Persekutuan Tanah Melayu, dijangka akan tiba di Brunei pada bulan August. Seorang lagi telah diberi hadiah pelajaran perchuma selama setahun lagi di Maktab Latehan Guru2 itu dimana ia akan mempelajari pelajaran khas dalam bahagian membuat barang2 dengan logam dan kayu.

PENGETUA BAHARU PUSAT LATEHAN GURU2 MELAYU BRUNEI

Mr. J.A. Pearce, seorang bekas Pegawai Pelajaran Yang Kanan Negeri Brunei, akan tiba di Brunei tidak berapa lama lagi untuk memegang jawatan Pengetua baharu Pusat Latehan Guru2 Melayu Brunei.

Pada masa sekarang, sajumlah 22 orang penuntut2 sedang belajar di Pusat Latehan Guru2 Melayu Brunei itu dan adalah dijangka bahawa 20 orang lagi penuntut2 yang baharu akan belajar di Pusat Latehan Guru2 itu pada masa beberapa bulan lagi.

Tiap2 orang penuntut belajar selama tiga tahun di Pusat Latehan Guru2 itu, dan setelah lulus dalam kursusnya, ia dihantar untuk mengajar di Sekolah2 Melayu di Negeri ini.

MAHA GURU BAHAGIAN PELAJARAN DARI MALAYA UNIVERSITY MELAWAT BRUNEI

Professor F. Mason, seorang Maha Guru Bahagian Pelajaran dari Malaya University, Singapura, dijangka akan melawat Brunei pada bulan ini, dan dijangka akan tiba di Kuala Belait dari Miri pada 19 July. Semasa berada di Negeri ini, beliau akan melawat ka beberapa ...

melawat ka beberapa buah Sekolah2.

Professor Mason akan ditemui oleh Mr. P.W. Spicer, sa-orang Pegawai dari Pejabat Pelajaran Negeri Brunei ketika beliau tiba di Kuala Belait. Pada hari yang pertama beliau berada di Negeri ini, Professor Mason akan mengadakan perundingan2 dengan Penolong Resident, Kuala Belait, dan kemudian beliau akan melawat ka Sekolah2 Melayu, Inggeris, dan China yang baharu di Seria, serta melawat ka Saint Michael's School Seria; ka Sekolah Pertukangan British Malayan Petroleum Company Limited, Seria dan ka Rumah Tumpangan penuntut2 Sekolah itu; serta ka lain2 tempat2 yang mustahak.

Maha Guru Bahagian Pelajaran dari Malaya University itu akan berangkat dari Kuala Belait ka Brunei melalui jalan raya pada hari Sabtu 21 July, dan dalam masa perjalanannya itu, beliau akan melawat ka beberapa buah Sekolah2. Beliau akan juga melawat ka Sekolah Melayu di Kampong Ayer, Brunei dan ka lain2 Sekolah di Sungei Brunei.

Professor Mason akan berjumpa dengan Yang Berhormat British Resident, Brunei; Pesuruh Jaya Perkembangan Negeri; melawat ka Sultan Omar Ali Saifuddin College, Brunei; ka Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemal-ul-Alam, Bandar Brunei dan ka Pusat Latihan Guru2 Melayu, di Bandar Brunei pada masa beliau berada di Bandar Brunei.

Professor Mason akan berangkat ka Kuching dengan Kapal Terbang melalui Labuan pada 24 July, 1956.

× PEGAWAI2 POLICE DAPAT DIGAJI UNTOK PERKARA2 YANG KHAS

Adalah diumumkan untuk pengetahuan orang ramai bahawa Pegawai2 Police Brunei dapat digaji oleh orang ramai untuk perkara2 yang khas dengan pembayaran gaji yang ditetapkan seperti berikut:

Pembayaran untuk Inspector ialah \$ 9.00 pada sajam dan untuk Pegawai2 Yang Tidak Bertauliah serta Mata2 ialah sebanyak \$ 2.00 pada sajam.

Pembayaran itu akan dikirakan mulai daripada masa orang2 itu berangkat dari Pejabat Police untuk menjalankan pekerjaan yang ditugaskan kepada mereka sahingga masa mereka kembali balek ka Pejabat Police itu setelah menjalankan pekerjaan masing2. Pembayaran untuk sabilangan masa dari sajam akan dikirakan untuk sajam.

Pasokan Police itu akan menyediakan kenderaan untuk membawa orang2nya pergi dan balek diantara tempat yang mereka hendak menjalankan pekerjaan. Pembayaran itu hendaklah dibayar oleh orang yang menyewanya, iaitu motor cycle sebanyak 20 sen pada sabatu; menekala motor car, land rover, dan lain2 kereta sebanyak 60 sen pada sabatu.

Saorang Pegawai Yang Menguasai sabuah Daerah Police bolehlah memberi kuasa kepada Pegawai2 Police untuk berkhidmat bagi perkara2 yang khas, tetapi beliau tidaklah terpaksa menurut sebarang permintaan untuk perkhidmatan itu. Beliau adalah diberi kuasa yang penuh berkenaan dengan bilangan Ahli2 Police yang akan ditugaskan untuk menjalankan pekerjaan2 itu dan bolehlah beliau mengeluarkan perintah2 itu pada bila2 masa yang perlu.

Pihak Kerajaan Brunei atau Chief Police Officer, Brunei tidaklah bertanggung jawab sakiranya berlaku sabarang kahilangan atau kerosakan harta benda pada masa Ahli2 Police itu menjalankan pekerjaan sebagaimana tersebut.

× FAEDAH2 KURSUS LATEHAN MASHARAKAT

Kursus Latehan Masharakat yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Brunei mulai dari 26 June, 1956 hingga 5 July yang lalu telah memberi faedah2 yang besar kepada seramai 21 orang Ketua2 Kampong dan Kaum dari Kuala Belait yang telah dapat menyaksikan berbagai2 perkara mengenai chara2 perjalanan pertadbiran Negeri ini, dan lain2 hal yang mustahak diketahui oleh orang ramai.

Ketua2 Kampong dan Kaum tersebut, bukan sahaja diberi penerangan2 yang lanjut oleh Pegawai2 Kerajaan yang berkenaan dengan Pejabat2 Kerajaan yang mereka telah melawat itu, bahkan mereka telah dapat mempelajari dengan sedalamnya dan juga melihat bagaimana pekerja2 sedang giat menjalankan pekerjaan masing2 seperti di Pejabat2 Kerajaan, Bandar Brunei; di Pejabat2 Kerajaan, Kuala Belait dan Seria; di Pejabat2 Kerja Raya dan sebagainya.

Adalah diharapkan bahawa dengan mempunyai pengalaman tersebut, dapatlah Ketua2 Kampong dan Kaum itu memberi penerangan2 berhubung dengan lawatan2 mereka kepada anak2 buah mereka.

× CONTROLLER OF PENSIONS BRUNEI YANG BAHARU

Mr. H.A. Mck. Billings telah berhenti memegang jawatan sebagai Controller of Pensions, Negeri Brunei mulai dari 26 June, 1956 dan Mr. M.D.B. Graham telah dilantek memangku jawatan itu, selain daripada jawatan2 beliau yang lain mulai dari tarikh tersebut juga.

Mr. Mck. Billings dan Mem Billings telah berangkat ka United Kingdom pada 26 June, dan beberapa hari terlebih dahulu, beliau2 itu telah dira'ikan disuatu majlis yang ramai oleh Anggota2 Pejabat Pensions di rumah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Di Gadong, di Kampong Sumbiling, Brunei.

× TIMBALAN PENASEHAT UNDANG2 BRUNEI

Mr. G.V.C. Young, telah berhenti memegang jawatan sebagai Timbalan Penasehat Undang2 Negeri Brunei dan Mr. D.B. McGilligan telah dilantek menjawat jawatan itu mulai dari 21 June, 1956.

× AHLI YANG BAHARU LEMBAGA MUNICIPAL

Yang Berhormat British Resident, Brunei dengan menggunakan kuat kuasa yang diberi kepadanya telah melantek Dr.P.A.Hood, Chief Medical Officer,...

Chief Medical Officer, Brunei menjadi saorang Ahli baharu Lembaga Municipal bagi Daerah2 Kuala Belait dan Seria pada tahun 1956, menggantikan tempat Senior Health Officer.

PEMENANG HADIAH PELAJARAN UGAMA KA MALAYA

Inche' Abdul Hamid bin Bakar dari Sekolah Melayu Sengkurong, Brunei, berumur 16 tahun telah berangkat ka Singapura baharu2 ini untuk berlateh sebagai saorang Guru Ugama di Aljunid Islamic School, atas perbelanjaan perchuma dari Kerajaan Brunei.

Beliau ialah penuntut yang ka 18 dari Negeri Brunei yang telah berangkat keluar negeri kerana menuntut pelajaran ugama atas perbelanjaan perchuma dari Kerajaan Brunei, dan dijangka bahawa beliau akan lulus dalam pelajarannya itu dalam masa 5 atau 6 tahun.

CAPTAIN GIRL GUIDES NEGERI BRUNEI BEROHUTI PANJANG

Miss W. Dixon Lennett, Captain Pasokan Yang Pertama Girl Guides, Negeri Brunei telah berangkat ka Eropah dan ka lain2 negeri pada awal bulan July ini kerana menyempornakan chuti panjangnya.

Miss Lennett ialah Setia Usaha Sulit kapada British Resident, Brunei dan selain daripada menjalankan kewajipannya sebagai Captain Pasokan Girl Guides itu, ia juga menjadi Guru Darjah2 Petang bahagian Berniaga ("Commercial") di Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei.

Beliau itu sangatlah mengambil berat dalam hal ehwal Pergerakan Pengakap Perempuan di Negeri ini dan telah menggantikan Miss Joyce Bryant sebagai Captain pergerakan itu samanjak beberapa bulan yang lalu setelah Miss Bryant berangkat ka lain negeri.

Dalam masa chutinya, Miss Lennett dijangka akan mempelajari Kursus Pengakap Perempuan selama dua minggu di Adelboden, Switzerland.

Beliau dijangka juga akan melawat ka Rumah Tumpangan Pengakap2 Perempuan di "Convent of the Retreat of the Sacred Heart", di Bruges, Belgium, serta melawat ka Ibu Pejabat Latehan Pengakap2 Perempuan di England, di Foxlease, New Forest.

Sekiranya ada masa, Miss Lennett dijangka akan menghadiri Persidangan Pemuda Sa Dunia di Berlin, Germany pada bulan August hadapan.

PEMENANG PINGAT2 PENGAKAP PEREMPUAN BRUNEI

Delapan orang Ahli2 Pasokan Pengakap Perempuan, Brunei telah diberi hadiah ...

telah diberi hadiah Pingat2 Kelulusan disuatu Majlis Jamuan Teh yang telah diadakan di Rumah Pengakap2 Perempuan di Jalan Tutong, Brunei pada penghujung bulan June yang lalu kerana mera'ikan Ketua Pasokan Yang Pertama Pengakap2 Perempuan, Negeri Brunei, Miss W. Dixon Lennett yang telah berangkat ka Eropah bagi menyempurnakan chuti panjangnya.

Hadiah "Hostess's Badges" telah diberi kepada Rachel Daniel, Josnani, Zainun, Jamaliah, Saedah, Salmah, Fatimah dan Zaharah; menekala hadiah "Needle Woman's Badges" telah diberi kepada Rachel Daniel dan Zaharah.

PEGAWAI PERTANIAN BRUNEI BALEK DARI MALAYA

Dua orang lagi Pegawai2 Pertanian dari Pejabat Pertanian Brunei telah balek ka Brunei baharu2 ini setelah mempelajari Kursus Pertanian selama satahun di Maktab Pertanian, Serdang, Selangor, Persekutuan Tanah Melayu.

Pegawai2 itu ialah Inche' Sahari bin Mohamed Said dan Inche' Nayan bin Ganbor. Mereka telah mempelajari Kursus Pertanian tersebut atas perbelanjaan perchuma dari Kerajaan Brunei.

Satelah lulus dalam Kursus itu, kedua2nya telah diberi peluang mempelajari suatu Kursus Pertanian yang lain selama sabulan di Rubber Research Institute, Sungei Buloh, Kuala Lumpur.

Saorang daripada Pegawai2 itu telah ditugaskan untuk memulakan pekerjaan memperbesarkan pekerjaan pertanian dalam Daerah Brunei, menekala saorang lagi telah berkhidmat di Tempat Berternak Binatang2 di Jerudong, Brunei dan kemudian beliau akan melawat ka Pusat2 Pertanian dalam Negeri Brunei untuk memberi penerangan berkenaan dengan hal ehwal pertanian.

DUA ORANG LAGI PEGAWAI2 PERTANIAN BRUNEI KA MALAYA

Kerajaan Brunei telah menghantarkan dua orang lagi Pegawai2 Pertanian Negeri ini ka Persekutuan Tanah Melayu untuk mempelajari Kursus Pertanian di Maktab Pertanian, Serdang, Selangor.

Pegawai2 Pertanian itu ialah Inche' Talib bin Miramit dan Inche' Saman bin Lamat. Kedua2nya ialah dari Pejabat Pertanian Negeri Brunei.

Inche' Talib bin Miramit telah berkhidmat dengan Pejabat tersebut selama tiga tahun dan sebelum berangkat ka Persekutuan Tanah Melayu, beliau telah berkhidmat di Pusat Pertanian di Kilanas.

Inche' Saman bin Lamat pula telah berkhidmat dengan Pejabat Pertanian itu lebih daripada dua tahun, dalam mana beliau telah bekerja di Tempat Perchobaan Menanam P...

Kedua2 Pegawai2 tersebut telah berangkat ka

Tanah Mel

Tanah Melayu pada awal bulan June dan telah tiba di Maktab tersebut pada 18 June. Mereka dijangka akan lulus dalam Kursus Pertanian itu dalam masa setahun dan selepas itu akan balik ke Brunei dan berkhidmat dalam Pejabat Pertanian sebagai Agricultural Field Inspectors.

Adalah difahamkan bahawa selepas lulus dalam Kursus tersebut, dan sekiranya Pegawai2 itu didapati layak dan rajin menjalankan pekerjaan mereka yang baharu itu, maka mereka akan dinaikkan pangkat menjadi Agricultural Field Officers setelah berkhidmat dengan jawatan yang baharu itu selama setahun.

KURSUS ULANG KAJI POLICE DI KUCHING

Empat orang Ahli2 Police dari Negeri Brunei, mengandungi 2 orang dari Ibu Pejabat Police, Bandar Brunei dan 2 orang lagi lagi dari Kuala Belait pada masa ini sedang menghadiri suatu Kursus Ulang Kaji Police di Sekolah Latihan Police, Kuching bersama dengan lain2 Ahli2 Police dari Pasukan Police Sarawak.

Kursus itu adalah diadakan selama dua bulan dengan dihadiri oleh seramai 20 orang Ahli2 Police. Ahli2 Police dari Negeri Brunei ialah P.C. 129 Sawat dan P.C. 204 Abdullah; manakala Ahli2 Police dari Kuala Belait ialah P.C. 62 Ali dan P.C. 205 Wan Drus.

STAMP2 NEGERI BRUNEI YANG DIBATALKAN

Adalah diumumkan untuk pengetahuan orang ramai bahawa segala stamp2 Negeri Brunei yang mengandungi pemandangan2 Sungai Brunei dan rumah2 di Kampong Ayer yang digunakan untuk mengirim surat melalui Pejabat Post akan dibatalkan pada 28 February, 1957.

Bagaimana pun, orang2 yang mempunyai stamp2 tersebut, bolehlah menukarnya dengan stamp2 yang baharu dalam masa tiga bulan selepas dari terikh tersebut.

LIMA ORANG LAGI DISHORKAN BAGI MENERIMA HADIAH PENSION

UMOR TUA

Jawatan Kuasa Pemilihan Pension Umor Tua, dalam Persidangannya yang telah diadakan di Pejabat 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri pada 20 June, 1956 dengan di Pengurusikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, dan dihadiri oleh Pengiran Kerma Indera Mohamed serta Pengiran Haji Mohamed Salleh, telah berunding berkenaan dengan 9 permintaan2 Pension Umor Tua dari penduduk2 Brunei.

Jawatan Kuasa tersebut telah mendapati bahawa hanya 5 orang yang layak dishorkan bagi mendapatkan pension itu. Permintaan2 mereka telah disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri, Brunei bagi mendapat persetujuan.

Lima orang yang ...

Lima orang yang telah dishorkan oleh Jawatan Kuasa itu ialah saperti berikut: Dayang Miam binti Awang Tarif, dari Kampong Sungei Kedayan; Minah binti Tengah, dari Kampong Sungei Tekuyong; Kasim bin Kamis, dari Kampong Menunggol; Serudin bin Daud, dari Kampong Burong Pingai; dan Dayang Timah binti Lowal, dari Kampong Burong Pingai.

UNDANG2 BAHARU MAJLIS UGAMA DAN 'ADAT ISTIADAT BRUNEI

(Sambongan dari PELITA BRUNEI No.10)

Undang2 baharu Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Negeri Brunei telah berjalan kuat kuasanya mulai dari 1 haribulan February tahun ini dan Undang2 ini telah kita siarkan dalam beberapa siaran PELITA BRUNEI yang lalu.

Undang2 yang baharu ini, didasarkan kapada sabuah Undang2 Ugama yang sedang berjalan kuat kuasanya dalam Negeri Kelantan, Persekutuan Tanah Melayu, telah dipersetujukan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin dalam Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei. Berbagai2 perkara telah diubahkan dari Undang2 yang asal itu oleh Pihak Yang Berkuasa Negeri ini supaya Undang2 itu bersesuaian dengan keadaan dalam Negeri Brunei.

Pada keluaran yang lalu, kita telah menyiarkan perkara2 berhubung dengan Undang2 tersebut, diantaranya ialah mengenai Sembahyang Juma'at; Minum minuman yang memabokkan; Makan, minum dan sebagainya dalam bulan Puasa pada siang hari; Zakat dan Fitrah; Ajaran Ugama; Perkara mengenai membangun Masjid; Kegunaan Ayat2 Koran di Sandiwara; Mengeji Penguasa2 Ugama; Lantekan Penguasa2 Ugama; Lantekan Mufti; Fetua2; Jawatan Kuasa Kehakiman; Jawatan Kathi Besar Negeri Brunei; Mahkamah Kathi Besar; Permohonan mengulang bichara; Pengesah Wasiat; Bahasa yang digunakan didalam Mahkamah2 Kathi; Kehadziran di Masjid; Perkahwinan dan Percheraian; Kuasa mengadakan nikah; Nikah2 yang tidak sah dan lain2nya.

Dibawah ini kita siarkan lagi sambongan berhubung dengan Undang2 Ugama tersebut:

Mana2 nikah akan menjadi tidak sah dan tidaklah boleh didaftarkan dibawah sharat2 Undang2 ini melainkan kesemua sharat2 yang dikahendakki itu, dengan mengikut Mazhab masing2 daripada pihak yang bernikah itu telah disempornakan.

Mana2 nikah itu akan menjadi tidak sah dan tidak boleh didaftarkan dibawah sharat2 Undang2 ini melainkan kedua2 pihak yang bernikah itu telah memberi persetujuan mereka baginya, dan sama ada: Wali perempuan telah memberi persetujuan mengikut Hukum Shara'; atau Kathi yang berkuasa bagi kawasan tempat perempuan itu tinggal, atau mana2 orang yang diberi kuasa olehnya, setelah disiasat dengan halusi dihadapan kesemua pihak yang berkaitan, telah memberi persetujuan, dengan sharat persetujuan itu boleh diberi apakala tidak ada Wali yang menanggung pada membuatnya, atau pun menekala wali itu mungkir daripada memberi persetujuan dengan tidak ada sebab2 yang sapenohnya.

Tidaklah boleh perempuan janda itu dinikahkan dengan sesiapa pun, selain daripada laki yang telah mencheraiakannya itu sebelum habis Edahnya yang dihitong mengikut Hukum Shara'.

Perempuan janda itu juga tidaklah boleh dinikahkan melainkan terlebih dahulu ia telah menunjukan Surat keterangan kematian lakinya; atau Surat Cherai yang sah dikeluarkan dibawah Undang2 yang berjalan kuat kuasanya pada masa itu.

(B E R S A M B O N G)

PERTUNJOKAN TANAM2AN SANEGERI BRUNEI

Pertunjokan Tanam2an Sanegeri Brunei Kali Yang Ka 10 akan dilangsungkan pada hari Sabtu 25 August, 1956 di Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemal-ul-Alam, Bandar Brunei.

Berhubung dengan pertunjokan tanam2an tersebut, Pegawai Pertanian Negeri Brunei, Inche' Hamidoon bin Awang Damit pinta Penghulu2 dan Ketua2 Kampong didalam Daerah2 Brunei dan Muara, Tutong, Belait dan Temburong supaya janganlah mereka membuang masa lagi dan diharap anak2 buah mereka akan bersuka hati mengadakan dan menambahkan lagi seberapa banyak barang2 untok pertunjokan tersebut.

Barang2 pertunjokan hendaklah diserahkan pada hari Juma'at 24 August, 1956 dan boleh juga dibawa ka tempat pertunjokan tanam2an itu diantara pukul 7.00 dan 8.00 pagi sebelum Hakim2 mengadakan barang2 pertunjokan, tetapi jika lewat dari jam yang ditetapkan itu, barang2 itu tidak akan diterima lagi.

Penghulu2 dan Ketua2 Kampong adalah dima'lumkan bahawa jenis barang2 yang akan dibawa katempat pertunjokan itu adalah sama seperti tahun2 yang lalu juga.

TERJEMAHAN BUKU2 YANG TELAH DIHARAMKAN

Kerajaan Brunei telah mengeluarkan suatu Perintah yang baharu dibawah Perintah Tegahan Siaran2 Tahun 1956 yang telah berjalan kuat kuasanya mulai dari 21 June, 1956 bahawa segala siaran2, termasuk terjemahannya dengan sapenoh atau sebahagian atau petekan2 dari siaran2 yang telah diharamkan pada masa yang lalu dibawah Undang2 Durhaka, tidaklah dibenarkan dibawa masuk dari luar negeri ka Negeri Brunei.

HARGA BUAH ENKABANG DAN LADA

Controller of Customs, Brunei telah menetapkan harga Buah Engkabang (Buah Kawang) dan Lada untok kegunaan bagi mengutip chukai mulai dari 23 July, 1956 ialah : Buah Engkabang \$ 30.75 sapikul; Lada Puteh \$ 94.48 sapikul dan Lada Hitam \$ 68.36 sapikul.

KAPAL FERRY "M/A PEMANCHA"

Kapal ferry yang baharu "M/A Pemancha" yang akan menggantikan kapal ferry "M/V Higgins" yang sedang digunakan bagi membawa kereta2 dan orang ramai diantara Danau dan Tutong, telah tiba di Brunei dari Singapura melalui Kuching, Sarawak.

Kapal itu yang diperbuat mengikut sebagaimana kahendak2 Kerajaan Brunei oleh Sharikat Thornycrofts, Singapura dapat memuatkan sebanyak 8 buah kereta2 kechil atau 6 buah lorry2 yang besar, dan boleh belayar sahingga 8.4 knot pada sajam. Kapal Higgins itu akan digunakan sebagai kapal ferry diantara Lumapas dan Brunei, menggantikan kapal2 pelampung yang digunakan sekarang ini. Kapal Higgins itu juga akan digunakan berulang alek diantara Danau dan Tutong bagi menggantikan kapal Pemancha bila2 masa yang perlu.

Orang2 yang berkahendak menumpang perkhidmatan ferry dari Lumapas ka Brunei, bolehlah membuat permintaan kapada Pejabat Marine, Brunei.
